

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan keputusan analisa statistik yang telah dilakukan. Perkara-perkara yang akan dibincangkan adalah :

- Profil demografi (pelajar) iaitu jantina, bilangan adik beradik, pekerjaan bapa, kegemaran, minat matapelajaran Pendidikan Islam dan kemahiran menulis jawi;
- Profil demografi (guru) iaitu jantina, umur, kelulusan akademik tertinggi, tempoh berkhidmat sebagai guru, tempoh berkhidmat di sekolah dan mengajar atau tidak dalam matapelajaran Pendidikan Islam;
- Kaedah analisa deskriptif;
- Tanggapan responden (guru) terhadap penghayatan akhlak;
- Keputusan purata pandangan guru;
- Purata pandangan guru Pendidikan Islam dan guru bukan Pendidikan Islam;
- Keputusan purata pelajar yang tahu menulis jawi dan tidak tahu menulis jawi;
- Pandangan purata pelajar berdasarkan minat terhadap matapelajaran Pendidikan Islam;
- Purata kegemaran pelajar berdasarkan tahap penghayatan akhlak dan disiplin;
- Tahap penghayatan akhlak, disiplin, kurikulum Pendidikan Islam dan faktor-faktor lain berdasarkan purata jenis sekolah;
- Kaedah analisa inferensi (hubungkait);
- Tanggapan responden (guru) terhadap penghayatan akhlak;
- Tanggapan responden (guru) terhadap keberkesanannya kurikulum Pendidikan Islam;
- Tanggapan responden (pelajar) terhadap penghayatan disiplin mengikut jantina; dan

- Analisa tanggapan responden (pelajar) yang berminat kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dan kesannya terhadap pembentukan akhlak.

Untuk mendapatkan pandangan responden terhadap variabel-variabel yang digunakan, pengkaji menggunakan skala Likert sebagai alat/kaedah pengukuran.

4.2 Latar Belakang Responden

Latar belakang responden dijelaskan dengan ringkas dalam bentuk frekuensi (kekerapan) dan juga peratusan.

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa bilangan responden antara lelaki dan perempuan hampir seimbang, iaitu 59.7% bagi responden perempuan dan 40.3% bagi responden lelaki. Ini menunjukkan bilangan responden perempuan ramai sedikit berbanding responden lelaki.

Jadual 4.3 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan bilangan teman karib pelajar. Pelajar yang mempunyai bilangan teman karib di bawah 4 orang adalah paling ramai iaitu 35.5% dan yang paling sedikit ialah 7.4% iaitu yang mempunyai teman karib antara 10 hingga 14 orang. Ini menerangkan bahawa kebanyakkan pelajar di kawasan bandar tidak mempunyai teman karib yang ramai.

Jadual 4.4 menunjukkan taburan yang hampir seimbang antara kekerapan dan peratusan bilangan ke dua-dua ibu bapa responden yang bekerja dengan yang tidak bekerja. Bilangan yang bekerja seramai 50.3% dan yang tidak bekerja seramai 49.7%. Ini menunjukkan bahawa bilangan ke dua-dua ibu bapa pelajar yang bekerja lebih ramai sedikit berbanding yang kedua-duanya tidak bekerja.

Jadual 4.1 : Profil Demografi Pelajar

Variabel	Kekerapan	Peratusan (%)
1. Jantina :		
Lelaki	125	40.3
Perempuan	185	59.7
2. Bilangan Adik Beradik :		
1 – 2 orang	37	11.9
3 – 4 orang	155	50.0
5 – 6 orang	87	28.1
7 – 8 orang	21	6.8
Lebih 8 orang	10	3.2
3. Bilangan Teman Karib Anda :		
00 – 04 orang	110	35.5
05 – 09 orang	99	31.9
10 – 14 orang	23	7.4
Lebih 15 orang	78	25.2
4. Kedua ibu bapa anda bekerja :		
Ya	156	50.3
Tidak	154	49.7
5. Bapa anda bekerja :		
Kerajaan	80	25.8
Swasta/Sendiri	148	47.7
Sendiri	82	26.5
6. Kegemaran anda yang utama :		
Membaca	95	30.6
Menonton TV	120	38.7
Bersukan	27	8.7
Lain-Lain	68	21.9
7. Datang ke sekolah dengan :		
Bas	27	8.7
Kereta	123	39.7
Basikal	10	3.2
Berjalan Kaki	150	48.4
8. Minat Matapelajaran Pendidikan Islam :		
Ya	278	89.7
Tidak	32	10.3

Sumber: Kajian Sampel

Jadual 4.2 Jantina Responden (Pelajar)

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	125	40.3
Perempuan	185	59.7
Jumlah	310	100

Sumber: Kajian Sampel

Jadual 4.3 Bilangan Teman Karib


Bilangan Teman Karib	Kekerapan	Peratusan (%)
00 – 04 orang	110	35.5
05 – 09 orang	99	31.9
10 – 14 orang	23	7.4
Lebih 15 orang	78	25.2
Jumlah	310	100

Sumber: Kajian Sampel

Jadual 4.4 Bilangan Kedua-Dua Ibu Bapa Pelajar Bekerja

Variabel	Kekerapan	Peratusan (%)
Kedua Ibu Bapa Bekerja:		
Ya	156	50.3
Tidak	154	49.7
Jumlah	310	100

Sumber: Kajian Sampel



Carta 4.1: Kegemaran Responden Yang Utama

Jadual 4.5 Kegemaran Pelajar

Variabel	Kekerapan	Peratusan (%)
Kegemaran Pelajar Yang Utama :		
Membaca	95	30.6
Menonton TV	120	38.7
Bersukan	27	8.7
Lain-Lain	68	21.9
Jumlah	310	100

Sumber: Kajian Sampel


Jadual 4.5 menunjukkan taburan kegemaran responden, peratusan yang paling tinggi ialah 38.7% bagi responden yang lebih gemar menonton TV, diikuti dengan 30.6% responden yang gemar membaca dan kegemaran bersukan dengan peratusan paling rendah. Taburan peratusan kegemaran antara membaca dan menonton TV adalah didapati agak seimbang.

Jadual 4.6: Minat Matapelajaran Pendidikan Islam

Variabel	Kekerapan			Peratusan (%)		
	Ya	Tidak	Jumlah	Ya	Tidak	Jumlah
Minat Pelajar Terhadap Matapelajaran Pendidikan Islam	304	6	310	98.1	1.9	100

Sumber: Kajian Sampel

Berdasarkan Jadual 4.6, majoriti besar responden iaitu 98.1% adalah berminat terhadap matapelajaran Pendidikan Islam berbanding 1.9% sahaja responden yang tidak berminat terhadap matapelajaran Pendidikan Islam. Ini menjelaskan bahawa kurikulum matapelajaran Pendidikan Islam amat digemari oleh pelajar-pelajar.



Carta 4.2: Jantina

Jadual 4.7 : Profil Demografi Guru :

Variabel	Kekerapan	Peratusan (%)
1. Jantina :		
Lelaki	19	18.6
Perempuan	83	81.4
1. Umur :		
20 – 30 tahun	47	46.1
31 – 40 tahun	42	41.2
41 – 45 tahun	11	10.8
46 – 50 tahun	2	2.0
3. Lulusan Akademik Tertinggi :		
STPM/Diploma	12	11.8
Ijazah Sarjana Muda	81	79.4
Ijazah Sarjana	6	5.9
Lain-Lain	3	2.9
4. Lama Berkhidmat Sebagai Guru :		
00 – 05	55	53.9
06 – 15	37	36.3
16 – 25	10	9.8
5. Lama Berkhidmat Di Sekolah :		
00 – 05 tahun	83	81.4
06 – 10 tahun	19	18.6
6. Jawatan Dipegang Sekarang :		
Guru Kanan/ Guru Pakar	1	1
Guru Ketua Panitia	20	19.6
Guru Disiplin/ Warden Asrama	17	16.7
Guru Tingkatan	45	44.1
Lain-Lain	19	18.6


Sumber: Kajian Sampel

Jadual 4.8: Jantina Responden (Guru)


Jantina	Kekerapan	Peratusan (%)
Guru lelaki	19	18.6
Guru Perempuan	83	81.4
Jumlah	102	100

Sumber: Kajian Sampel

Profil responden ditunjukkan dalam jadual 4.3(a). Daripada jadual tersebut didapati 18.6% responden terdiri daripada guru lelaki dan 81.4% adalah guru perempuan. Ini menunjukkan bahawa dalam kajian ini, bilangan responden sebahagian besarnya adalah terdiri adalah guru perempuan.



Carta 4.3: Taburan Umur Responden (Guru)



Carta 4.4: Akademik Responden (Guru)

4.9: Peratusan Guru Lelaki dan Guru Perempuan Mengikut Tahap Umur.

Variabel	Umur				Peratusan (%)
	20-30 Tahun	31-40 Tahun	41-45 Tahun	46-50 Tahun	
Lelaki	31.6	47.4	21.1	0	100
Perempuan	49.4	39.8	8.4	2.4	100

Sumber: Kajian Sampel

Jadual 4.10: Akademik

Variabel	Kekerapan	Peratusan
Kelulusan Akademik Tertinggi :		
STPM/Diploma	12	11.8
Ijazah Sarjana Muda	81	79.4
Ijazah Sarjana	6	5.9
Lain-Lain	3	2.9
Jumlah	102	100

Sumber: Kajian Sampel

Jadual 4.11: Lama Berkhidmat Sebagai Guru

Variabel	Kekerapan	Peratusan
Lama Berkhidmat Sebagai Guru :		
00-05 tahun	55	53.9
06-15 tahun	37	36.3
16-25 tahun	10	9.8
Jumlah	102	100

Sumber: Kajian Sampel

Jadual 4.9 menunjukkan taburan peratusan guru lelaki dan guru perempuan yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini mengikut tahap umur. Seramai 31.6% adalah guru lelaki yang berumur antara 20-30 tahun. Jumlah paling ramai dalam kategori ini ialah seramai 47.4% guru lelaki yang berumur 31-40 tahun dan tiada seorangpun responden guru lelaki yang berumur 46 tahun ke atas. Manakala jumlah guru perempuan yang paling tinggi peratusan diambil sebagai responden adalah berumur 20-30 tahun iaitu 49.4%, diikuti 39.8% di antara yang berumur 31-40 tahun dan hanya 2.4% sahaja yang berumur 46 tahun ke atas.

Seterusnya diuji dengan menggunakan teknik 'cross tabulation' untuk melihat tahap signifikan antara guru lelaki dan guru perempuan dari segi tahap jantina dan umur. Didapati 'chi-square' ialah 0.259, ini menunjukkan tiada perbezaan yang ketara di antara guru lelaki dan guru perempuan ($p=0.259 > 0.05$).

Berdasarkan jadual 4.10, dari segi kelulusan akademik tertinggi, peratusan yang paling tinggi adalah dari kalangan responden yang mempunyai ijazah sarjana muda iaitu sebanyak 79.4%. Diikuti 11.8% adalah responden berkelulusan STPM atau diploma. Hanya 5.9% berkelulusan ijazah sarjana dan lain-lain mewakili 2.9%.

Sekiranya dilihat sudut pengalaman lama berkhidmat sebagai guru seperti dalam jadual 4.11, didapati responden yang berkhidmat di bawah 5 tahun adalah paling ramai iaitu 53.9%. Ini bermaksud bahawa majoriti responden adalah guru kurang berpengalaman, berkhidmat antara 6 tahun hingga 15 tahun ialah 36.3% dan hanya 9.8% sahaja yang berkhidmat lebih 16 tahun.

Jadual 4.12: Jawatan Yang Dipegang Sekarang

Variabel	Kekerapan	Peratusan (%)
Jawatan Yang Dipegang Sekarang :		
Guru Kanan/Pakar	1	1.0
Ketua Panitia	20	19.6
Guru Disiplin/Warden Asrama	17	16.7
Guru Tingkatan	45	44.1
Lain-Lain	19	18.6
Jumlah	102	100

Sumber: Kajian Sampel

Jadual 4.12 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan jawatan yang dipegang oleh responden. Responden paling ramai (44.1%) adalah menjawat jawatan guru tingkatan, 19.6 % dan 18.6% masing-masing terdiri dari berjawatan ketua panitia dan guru yang berjawatan lain. Ini bermakna hampir sama responden berjawatan ketua panitia dengan guru yang berjawatan lain. Seramai 16.7% adalah guru yang berjawatan guru disiplin atau guru warden asrama dan hanya 1% sahaja dari guru berjawatan guru kanan atau guru pakar.

Jadual 4.13 : Mengajar Atau Tidak Dalam Matapelajaran

Pendidikan Islam

Variabel	Kekerapan	Peratusan (%)
Mengajar Dalam Matapelajaran Pendidikan Islam :		
Ya	49	48.0
Tidak	53	52.0
Jumlah	102	100

Sumber: Kajian Sampel

Dapatan dari jadual 4.13 menunjukkan kekerapan dan peratusan guru yang mengajar matapelajaran Pendidikan Islam atau tidak. Dapatan yang majoriti dari responden ialah 52% tidak mengajar matapelajaran Pendidikan Islam dan 48% yang mengajar dalam matapelajaran Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun kadar peratusan ini tidak jauh perbezaannya. Ini menunjukkan bahawa bilangan guru yang mengajar matapelajaran Pendidikan Islam dan yang tidak mengajar matapelajaran Pendidikan Islam hampir seimbang.

4.3 Kaedah Analisa Deskriptif

Pada bahagian ini akan diuraikan keputusan analisis statistik secara deskriptif, yang berhubungkait dengan hipotesis kajian. Pada kajian ini pembolehubah bersandar (*Dependent Variable*) dan pembolehubah tidak bersandar (*Independent Variable*) adalah kurikulum Pendidikan Islam, akhlak, disiplin dan persoalan semasa tentang akhlak dan disiplin. Kesemua pembolehubah terikat ini dilihat tentang hubungkaitnya dengan pembolehubah bebas (tidak bersandar). Selain daripada kolerasi matrik antara pembolehubah terikat (bersandar).

Untuk melihat keputusan-keputusan analisis ini, ianya akan digunakan dengan cara melihat perbezaan di antara keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam KBSM dengan faktor-faktor demografi daripada sampel, iaitu

pandangan guru ke atas keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam KBSM terhadap akhlak dan disiplin kepada pelajar sekolah menengah.

Cara kedua, iaitu melihat kepada pandangan dan penghayatan pelajar itu sendiri ke atas keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam KBSM terhadap masalah akhlak dan disiplin yang diamalkan oleh pelajar.

Sebelum dihuraikan dapatan analisis data secara deskriptif, perlu dihuraikan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan dua soal selidik, iaitu soal selidik untuk melihat pandangan guru ke atas pemahaman dan keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam KBSM dan juga pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam KBSM dalam membentuk diri pelajar yang berakhlaq dan berdisiplin.

Soal selidik untuk guru diperolehi markah kolerasi alpha (α) = 0.7822 (Standardized item alpha = 0.7822) dan kolerasi matriks antara soal selidik ialah 0.0321 sehingga 0.4894. Manakala $F = 41.2334$ dan $p < 0.01$. Ini bermakna soal selidik ini adalah signifikan dan layak digunakan untuk mengukur pandangan guru terhadap keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam KBSM terhadap masalah akhlak dan disiplin pelajar.

Bagi soal selidik untuk pelajar diperolehi markah kolerasi alpha (α) = 0.8061 dan kolerasi antara soal selidik ialah 0.0129 sehingga 0.4901. Diperolehi $F = 151.9083$ dan $P < 0.01$. Ini bermakna soal selidik untuk pelajar adalah signifikan dan layak digunakan dalam kajian ini bagi mengukur keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam terhadap akhlak dan disiplin pelajar.

4.4 Keputusan Purata Pandangan Guru

Pandangan guru ke atas keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam KBSM yang didasarkan kepada guru guru yang mengajar matapelajaran Pendidikan Islam dan guru yang tidak mengajar matapelajaran Pendidikan Islam, ialah :

10

Jadual 4.14: Purata Pandangan Guru Pendidikan Islam Dan Bukan Pendidikan Islam

Variabel	Purata	
	Guru Pend. Islam	Bukan Pend. Islam
Akhhlak	16.1	14.7
Disiplin	23.6	23.1
Persoalan Isu Semasa	20.7	20.7
Pemahaman Kurikulum Pend. Islam	11.1	11.5

Sumber: Kajian Sampel

Jadual 4.14 menunjukkan purata secara relatifnya adalah sama. Ini bermakna antara guru yang mengajar matapelajaran Pendidikan Islam dan guru yang bukan mengajar matapelajaran Pendidikan Islam mempunyai pandangan yang tidak berbeza ke atas pembentukan akhlak dan disiplin pelajar.

Jadual 4.15: Keputusan Purata Pelajar Yang Tahu Menulis Jawi dan Tidak Tahu Menulis Jawi.

Diperolehi purata bagi pandangan pelajar untuk pembolehubah berikut adalah seperti berikut:

Variabel	Purata	
	Tahu Menulis Jawi	Tidak Tahu Menulis Jawi
Akhhlak	30.8	28.6
Disiplin	40.0	36.6
Faktor-Faktor Lain	24.7	22.7
Kurikulum Pend. Islam	11.3	10.6

Sumber: Kajian Sampel

Dapatan jadual 4.15 bermakna terdapat perbezaan kesan di antara pelajar yang tahu menulis jawi dengan pelajar yang tidak tahu menulis jawi ke atas pembentukan akhlak dan disiplin. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang tahu menulis jawi, mempunyai akhlak dan disiplin serta pengetahuan tentang

kurikulum Pendidikan Islam yang lebih baik dan mendalam berbanding pelajar yang tidak tahu menulis jawi.

4.16: Pandangan Purata Pelajar Berdasarkan Minat Terhadap Matapelajaran Pendidikan Islam.

Berdasarkan minat terhadap matapelajaran Pendidikan Islam ke atas faktor-faktor lain yang menjadikan pelajar lebih berakhhlak dan berdisiplin diperolehi purata seperti berikut :

Variabel	Purata	
	Minat Matapelajaran Pendidikan Islam	Tidak Minat Matapelajaran Pendidikan Islam
Faktor-Faktor Yang Menjadikan Pelajar Lebih Berakhhlak dan Berdisiplin	34.4	23.3

Sumber : Kajian sampel

Jadual 4.16 menunjukkan terdapat perbezaan purata ke atas faktor-faktor yang menjadikan pelajar berakhhlak dan berdisiplin berdasarkan pada minat terhadap matapelajaran Pendidikan Islam. Maksudnya, purata pelajar yang berminat terhadap matapelajaran Pendidikan Islam lebih tinggi berbanding purata pelajar yang tidak berminat terhadap matapelajaran Pendidikan Islam.

Jadual 4.17: Purata Kegemaran Pelajar Berdasarkan Tahap Akhlak Dan Disiplin

Variabel	Purata			
	Membaca	Menonton TV	Bersukan	Lain-Lain
Pelajar Yang Berdisiplin	36.1	38.0	35.2	36.9
Pelajar Yang Berakhhlak	27.5	29.7	31.0	28.3

Sumber: Kajian Sampel

Berdasarkan jadual 4.17, menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai kegemaran menonton TV lebih berdisiplin berbanding pelajar yang mempunyai kegemaran membaca dan bersukan. Manakala pelajar yang gemar bersukan lebih tidak berdisiplin. Pelajar yang gemar bersukan menunjukkan lebih berakhlik berbanding dengan pelajar-pelajar yang gemar membaca dan menonton TV. Dalam jadual ini juga menunjukkan bahawa pelajar yang gemar membaca lebih tidak berakhlik berbanding dengan lain-lain kegemaran. Walau bagaimanapun faktor kegemaran tidak ada perubahan ketara dalam mempengaruhi pelajar berakhlik dan berdisiplin.

Jadual 4.18: Tahap Akhlak, Disiplin, Kurikulum Pendidikan Islam Dan Faktor-Faktor Lain Berdasarkan Purata Jenis Sekolah

Jenis Sekolah	Purata			
	Akhlik	Disiplin	K. Pend. Islam	Faktor Lain
Sekolah Bestari	30.1	38.9	10.4	24.1
Sekolah Aliran Agama	28.2	35.0	10.5	22.4
Sekolah Kawasan Elit	27.1	36.3	9.7	21.5
Sekolah Perempuan Sahaja	29.3	38.5	12.4	25.7
Sekolah Teknik Dan Vokasional	32.3	37.7	11.7	23.0
Sekolah Kawasan Golongan Sederhana	28.1	37.4	11.7	25.0
Sekolah Kawasan Setinggan	27.6	36.1	9.8	21.3

Sumber: Kajian Sampel

Jadual 4.18 menunjukkan purata tahap akhlak, disiplin, keberkesanannya kurikulum Pendidikan Islam dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi ke atas jenis-jenis sekolah. Ini menjelaskan bahawa terdapat perbezaan purata di antara jenis sekolah dengan penghayatan akhlak, disiplin, keberkesanannya kurikulum Pendidikan Islam dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi pelajar. Dari segi penghayatan akhlak, Sekolah Teknik dan Vokasional mempunyai purata akhlak yang lebih tinggi berbanding sekolah lain dan sekolah kawasan setinggan mempunyai purata akhlak yang lebih rendah. Dari segi disiplin,

Sekolah Bestari mempunyai tahap purata disiplin yang tinggi iaitu 38.9% berbanding dengan sekolah lain, dan sekolah aliran agama mempunyai purata yang paling rendah iaitu 35% sahaja. Dari segi tahap keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam, didapati purata yang paling tinggi ialah 12.4 iaitu dari sekolah pelajar perempuan sahaja dan min yang paling rendah ialah sekolah kawasan elit.

4.5 Kaedah Analisa Inferensi (Hubungkait)

Analisa inferensi digunakan adalah untuk menjawab hipotesis-hipotesis kajian seperti berikut :

4.5.1 Hipotesis I; (Guru)

Untuk menjawab soalan-soalan hipotesis kajian ini, penulis menggunakan kaedah :

1 – Kaedah ‘*Partial Correlation Coefficients*’ bagi jawapan hipotesis I (a), I (b) dan I (c).

2 – Kaedah ANOVA (Analysis Of Variance) bagi jawapan hipotesis II dan hipotesis III.

- a. Terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan akhlak dengan pengaruh isu semasa tentang akhlak dan disiplin.
- b. Terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan akhlak dengan keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam.
- c. Ada hubungan yang signifikan antara penghayatan disiplin dengan keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam.

Hipotesis I(a): Bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan akhlak dengan pengaruh isu semasa tentang akhlak dan disiplin, diperolehi $r = 0.2581$ dan nilai $P = 0.000$ lebih kecil daripada 0.01. Ini bermakna ada hubung kait antara penghayatan akhlak dengan perkara isu semasa tentang akhlak dan disiplin. Oleh itu hipotesis ini diterima.

Hipotesis I(b): Bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan akhlak dengan keberkesanannya kurikulum Pendidikan Islam, diperolehi $r = 0.3436$ dan nilai $P = 0.000$ lebih kecil daripada 0.01. Ini bermakna ada hubungkait antara penghayatan akhlak dengan keberkesanannya kurikulum Pendidikan Islam. Oleh itu hipotesis ini diterima.

Hipotesis I(c): Bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan kepada disiplin dengan keberkesanannya kurikulum Pendidikan Islam. Berdasarkan kepada $r = 0.3982$, dan nilai $P = 0.000$ lebih kecil daripada 0.01 maka hipotesis ini diterima.

4.5.2 Hipotesis II (Guru)

Ada perbezaan yang signifikan mengenai penghayatan akhlak pelajar mengikut pandangan guru yang berdasarkan kelulusan akademik tertinggi guru, iaitu diperolehi $F = 7.072$ dan nilai $P = 0.000$ lebih kecil daripada 0.05. Ini bermakna hipotesis ini diterima.

4.5.3 Hipotesis III (Guru)

Ada perbezaan yang signifikan di antara penghayatan akhlak pelajar mengikut pandangan guru yang berdasarkan lama berkhidmat sebagai guru, iaitu diperolehi $F = 3.002$ dan nilai $P = 0.054$ lebih kecil daripada 0.05. Ini bermakna hipotesis ini diterima.

4.5.4 Hipotesis I (Pelajar)

Untuk mencari jawapan hipotesis ini, penulis menggunakan kaedah :

- 1 – Kaedah ‘*Partial Correlation Coefficients*’ bagi hipotesis I (a) dan I (b).
- 2 – Kaedah ANOVA (Analysis Of Variance) bagi hipotesis II, III, IV dan V.

a. Ada hubungan yang signifikan di antara penghayatan akhlak dan disiplin, diperolehi $r = 0.2768$ dan nilai $P = 0.000$ lebih kecil daripada 0.01. Ini bermakna bahawa penghayatan akhlak dan disiplin pelajar mempunyai hubungan yang signifikan. Oleh itu hipotesis ini diterima.

b. Ada hubungan di antara faktor-faktor lain yang mempengaruhi akhlak dan disiplin dengan keberkesanannya kurikulum Pendidikan Islam. Diperolehi $r = 0.4164$ dan nilai $P = 0.000$ lebih kecil daripada 0.01 . Ini bermakna hipotesis ini boleh diterima. Ianya menjelaskan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar menjadi berakh�ak dan berdisiplin mempunyai kaitan dengan aspek-aspek akhlak dan disiplin itu sendiri.

4.5.5 Hipotesis II (Pelajar)

Bagi hipotesis II, terdapat perbezaan yang signifikan di antara penghayatan akhlak mengikut pengetahuan tulisan jawi sama ada tahu menulis jawi atau tidak tahu menulis jawi, diperolehi $F = 5.377$ dan nilai $P = 0.021$ adalah lebih kecil daripada 0.05 . Bermakna ada hubungan di antara yang tahu menulis jawi dengan pembentukan akhlak. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang tahu menulis jawi adalah lebih baik akhlaknya daripada pelajar yang tidak tahu menulis jawi.

4.5.6 Hipotesis III (Pelajar)

Bagi hipotesis III, ada perbezaan yang signifikan di antara penghayatan disiplin pelajar dengan pelajar yang tahu menulis jawi. Diperolehi $F = 11.493$ dan nilai $P = 0.001$ lebih kecil daripada 0.05 . Ini bermakna pengetahuan tentang tulisan jawi mempunyai hubungan dengan pembentukan disiplin. Di sini jelas menunjukkan bahawa penghayatan disiplin pelajar yang tahu menulis jawi lebih baik daripada pelajar yang tidak tahu menulis jawi.

4.5.7 Hipotesis IV (Pelajar)

Dari dapatan analisis ANOVA (Analysis Of Variance) didapati ada perbezaan yang signifikan di antara faktor-faktor lain yang menjadikan pelajar berakh�ak dan berdisiplin mengikut minat matapelajaran Pendidikan Islam. Analisis data diperolehi $F = 7.008$ dan nilai $P = 0.001$ lebih kecil daripada 0.05 . Ini bermakna minat mempunyai hubungkait dengan faktor-faktor yang menjadikan pelajar berakh�ak dan berdisiplin. Keputusan ini menunjukkan bahawa orang yang mempunyai minat terhadap matapelajaran Pendidikan Islam lebih berakh�ak dan berdisiplin.

4.5.8 Hipotesis VI (Pelajar)

Berdasarkan analisis yang menggunakan kaedah analisis ANOVA (Analysis Of Variance), ada perbezaan yang ketara di antara penghayatan akhlak dengan kegemaran pelajar. Diperolehi $F = 5.059$ dan nilai $P = 0.002$ lebih kecil daripada 0.05. Manakala untuk penghayatan disiplin, ada perbezaan yang ketara di antara penghayatan disiplin dengan kegemaran pelajar. Diperolehi $F = 3.211$ dan nilai $P = 0.023$ lebih kecil daripada 0.05. Di sini jelas menunjukkan bahawa kedua-dua pembolehubah iaitu penghayatan akhlak dan disiplin adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor kegemaran pelajar. Kegemaran pelajar sama ada menonton TV, membaca dan bersukan mempunyai kesan ke atas akhlak dan disiplin pelajar.

Jadual 4.19: Tanggapan Responden (Guru) Terhadap Penghayatan Akhlak

Variabel	Guru	Bilangan Peratus (%)				Chi-Square (χ^2)
		1	2	3	4	
Pelajari Pendidikan Islam	PI	12.2	61.2	26.5	0	0.486
	BPI	18.9	49.1	30.2	1.9	
Tidak Bertanggung-Jawab	PI	10.2	67.3	22.4	0	0.380
	BPI	3.8	64.2	30.2	1.9	
Riak Takabbur	PI	10.2	53.1	34.7	2.0	0.752
	BPI	5.7	62.3	30.2	1.9	
Bergaul Bebas	PI	26.5	67.3	6.1	0	0.487
	BPI	17.0	77.4	5.7	0	
Diberi Teguran	PI	61.2	36.7	2.0	0	0.016*
	BPI	35.8	64.2	0	0	
Diberi Pendedahan	PI	53.1	44.9	2.0	0	0.020*
	BPI	26.4	67.9	5.7	0	
Berakhlik Mulia	PI	36.7	55.1	8.2	0	0.011*
	BPI	13.2	66.0	20.8	0	
Kehidupan Di Rumah	PI	55.1	24.5	16.3	4.1	0.241
	BPI	54.7	35.8	9.4	0	

Sumber : Kajian Sampel

*Nilai $P < 0.05$

PI = Guru Pendidikan Islam

BPI = Bukan Guru Pendidikan Islam

Berdasarkan Jadual 4.19 di atas, didapati semua variabel selain daripada variabel ‘Diberi Teguran’, ‘Diberi Pendedahan’ dan ‘Berakhlak Mulia’ mempunyai nilai P lebih kecil daripada 0.05. Ini menjelaskan bahawa ketiga-tiga variabel iaitu guru yang mengajar Pendidikan Islam dengan guru yang tidak mengajar Pendidikan Islam ada hubungan antara pandangan mereka terhadap penghayatan akhlak pelajar.

Jadual 4.20: Tanggapan Responden (Guru) Terhadap Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam

Variabel	Guru	Bilangan Peratus (%)				Chi-Square (χ^2)
		1	2	3	4	
Mencakupi Semua Aspek	PI	10.2	57.1	28.6	4.1	0.892
	BPI	9.4	50.9	35.8	3.8	
Mampu Mendidik	PI	14.3	65.3	18.4	2.0	0.523
	BPI	20.8	50.9	26.4	1.9	
Mampu Merubah	PI	8.2	40.8	49.0	2.0	0.190
	BPI	22.6	37.7	35.8	3.8	
Diberi Penekanan	PI	59.2	38.8	2.0	0	0.404
	BPI	71.7	26.4	1.9	0	
Sifat Terpuji & Keji Telah Jelas	PI	63.3	34.7	2.0	0	0.349
	BPI	54.7	45.3	0	0	
Sifat Terpuji & Keji Masih Kabur	PI	36.7	38.8	24.5	0	0.007*
	BPI	37.7	58.5	3.8	0	

Sumber: Kajian Sampel

*Nilai $P < 0.05$

- PI = Guru Pendidikan Islam
- BPI = Bukan Guru Pendidikan Islam

Jadual 4.20 menunjukkan hanya variabel iaitu ‘Sifat Terpuji Dan Keji Masih Kabur’ adalah signifikan dengan mempunyai nilai $P = 0.007$. Ini bermaksud bahawa wujud perbezaan tanggapan yang ketara antara guru yang mengajar matapelajaran Pendidikan Islam dengan guru yang tidak mengajar matapelajaran Pendidikan Islam terhadap keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam.

Jadual 4.21 : Tanggapan Responden (Pelajar) Terhadap Penghayatan Disiplin Mengikut Jantina

Variabel	Jantina	Bilangan Peratus (%)				Chi-Square
		1	2	3	4	
Diberitahu Tentang Disiplin	L	38.4	44.0	14.4	3.2	0.001*
	P	43.8	28.1	13.5	14.6	
Melanggar Disiplin Sekolah	L	8.0	48.0	32.0	12.0	0.013*
	P	3.2	35.7	40.5	20.5	
Mendengar Tentang Disiplin	L	12.0	56.0	9.6	22.4	0.000*
	P	8.1	30.3	22.2	39.5	
Baca Buku Disiplin	L	6.4	35.2	42.4	16.0	0.259
	P	3.2	37.3	36.8	22.7	
Lewat Ke Sekolah	L	5.6	20.0	21.6	52.8	0.012*
	P	4.9	11.9	12.4	70.8	
Lewat Ke Kelas	L	3.2	23.2	28.0	45.6	0.081
	P	2.2	17.3	20.0	60.5	
Ponteng Perhimpunan	L	4.8	13.6	11.2	70.4	0.009
	P	1.1	6.5	7.0	85.4	
Sembahyang Setelah Tamat Waktu Belajar	L	24.0	23.2	31.2	21.6	0.202
	P	16.8	21.6	42.2	19.5	
Sembahyang Berjamaah Dengan Keluarga	L	12.0	25.6	46.4	15.2	0.219
	P	8.1	21.1	47.6	23.2	
Berdoa Selepas Azan	L	50.4	28.8	15.2	5.6	0.002*
	P	35.1	24.3	33.5	7.0	
Ditegur Semasa Peperiksaan	L	19.2	20.8	27.2	32.8	0.105
	P	21.6	23.8	15.7	38.9	
Ikut Aktiviti Ko-Kurikulum	L	32.8	27.2	32.0	8.0	0.751
	P	28.6	32.4	30.3	8.6	
Berpakaian Kemas	L	56.0	28.8	12.8	2.4	0.527
	P	64.3	22.7	10.8	2.2	
Dilantik Sebagai Ketua Dalam Aktiviti	L	19.2	33.6	16.8	30.4	0.581
	P	13.5	34.6	17.3	34.6	

Sumber: Kajian Sampel

*Nilai $P < 0.05$

- L = Pelajar Lelaki
- P = Pelajar Perempuan

Menurut jadual 4.21 boleh dibuat kesimpulan mengikut analisa 'Crosstabs', bahawa hanya lima variabel daripada 14 variabel adalah signifikan. Variabel tersebut adalah 'Diberitahu Tentang Disiplin', 'Melanggar Disiplin Sekolah', 'Mendengar Tentang Disiplin', ' Lewat Ke Sekolah' dan 'Berdoa Selepas

Azan' dengan masing-masing mempunyai nilai P lebih kecil daripada 0.05. Ini menjelaskan bahawa wujud perbezaan tanggapan yang ketara di antara responden lelaki dan perempuan terhadap penghayatan disiplin di sekolah.

Jadual 4.22: Analisa Tanggapan Responden (Pelajar) Yang Minat Dan Tidak Minat Matapelajaran Pendidikan Islam Terhadap Akhlak

Variabel	Bilangan Peratus (%)					Chi-Square (χ^2)
	Y/T	1	2	3	4	
Hayati Akhlak Terpuji	Ya	25.0	60.5	14.1	0.3	
	Tidak	16.7	33.3	50.0	0	0.111
Sentiasa Beramal Ibadah	Ya	28.3	51.6	19.4	0.7	
	Tidak	16.7	50.0	33.3	0	0.824
Amal Sifat Rajin, Tawakkal dll	Ya	25.3	57.9	15.8	1.0	
	Tidak	16.7	16.7	66.7	0	0.011*
Amal Sifat Ikhlas, Amanah dll	Ya	42.1	47.4	10.2	0.3	
	Tidak	33.3	33.3	33.3	0	0.343
Jauhi Sifat Keji	Ya	39.8	39.1	19.1	2.0	
	Tidak	33.3	33.3	33.3	0	0.838
Jauhi Dadah & Vandalisme	Ya	70.1	18.8	7.6	3.6	
	Tidak	66.7	0	16.7	16.7	0.226
Tidak Pernah Ditegur Guru	Ya	16.1	43.4	36.2	4.3	
	Tidak	16.7	66.7	16.7	0	0.657
Tidak Pernah Bergaduh	Ya	12.5	37.5	40.5	9.5	
	Tidak	16.7	33.3	33.3	16.7	0.921
Tidak Keluar Kata Kesat	Ya	8.9	34.5	47.7	8.9	
	Tidak	16.7	33.3	50.0	0	0.817
Selalu Beri Salam Pada Guru	Ya	52.0	29.3	18.1	0.7	
	Tidak	50.0	0	33.3	16.7	0.000*
Membantu Guru & Kawan	Ya	42.1	45.7	11.5	0.7	
	Tidak	33.3	16.7	33.3	16.7	0.000*
Melakukan Solat Sunat	Ya	6.6	25.0	64.1	4.3	
	Tidak	0	0	83.3	16.7	0.238
Membaca Al-Quran	Ya	17.1	33.6	47.7	1.6	
	Tidak	0	33.3	50.0	16.7	0.048*
Menegur Sikap Buruk Kawan	Ya	18.1	35.9	42.1	3.9	
	Tidak	0	33.3	50.0	16.7	0.327

Sumber: Kajian Sampel

*Nilai P = 0.05

Jadual ‘Cross Tabulation’ dan nilai Chi-Square, digunakan untuk melihat hubungan di antara tanggapan responden yang minat matapelajaran Pendidikan Islam dan yang tidak minat, terhadap penghayatan akhlak di kalangan pelajar. Jadual 4.22 menunjukkan bahawa terdapat empat variabel iaitu ‘Amalkan sifat benar, rajin, tawakkal dan lain-lain’($P = 0.011$), ‘Selalu Beri Salam Kepada Guru’(0.000), ‘Membantu guru dan kawan’(0.000) dan ‘Baca al-Quran’(0.048). Ini bermakna bahawa variabel-variabel tersebut mempunyai nilai P kurang daripada 0.05 ($P<0.05$) iaitu yang signifikan. Ini menjelaskan bahawa terdapat perbezaan tanggapan yang ketara antara responden yang berminat terhadap matapelajaran Pendidikan Islam dan yang tidak berminat terhadap matapelajaran Pendidikan Islam terhadap penghayatan akhlak pelajar. Manakala variabel-variabel yang lain tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.